

ORIGINAL ARTICLE

**SENSITIVITI MORAL MELALUI INTERAKSI PELAJAR PELBAGAI BUDAYA****MORAL SENSITIVITY THROUGH THE INTERACTION OF STUDENTS FROM DIFFERENT CULTURES IN SCHOOL**

Airen Surayya Binti Khairu Anuar *¹ ; **Tan Bee Piang** ²
Noor Banu Mahadir Naidu ³

¹ Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: airensurayya@gmail.com

² Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: tanbeepiang@fsk.upsi.edu.my

³ Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: noor.banu@fsk.upsi.edu.my

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/120>

Abstract

The purpose of this research was to examine the moral sensitivity on the interaction between different cultures among secondary school students in Sabah. This qualitative study utilized interviews, document analysis and observation to collect data from its respondents. There were 15 form four students who were selected from diverse ethnic backgrounds in the district of Keningau through purposive sampling technique. In order to examine the characteristics of moral sensitivity on the interaction between different cultures, the researcher adapted an instrument known as Ethical Sensitivity Scale Questionnaire (ESSQ) by Darcia Narvaez. The findings of this study used to address three objectives. The first one was to analyse the characteristics of moral sensitivity among school students of different cultures. The second objective was to identify the presence of moral sensitivity among the different cultures in the selected school. The final objective was to determine to what extent students' moral sensitivity influenced their moral decisions. The analysis of the findings revealed that concern about others, compassion and adherence to moral values were the three most obvious traits in the interaction between different cultures in Sabah secondary schools. The presence of this moral sensitivity derived from two processes and these were teamwork in accomplishing common goals and cultural assimilation which refers to understanding other cultures to the degree of accepting their values and norms that could be practiced universally. The analysis of this research indicated that moral sensitivity could help students make rational and proper moral decisions with compassion on others regardless of their races. It could help reduce their bias or prejudice in making ethical decisions by putting moral values as their main principle.

This study implied how essential moral sensitivity is in the interaction of different cultures and the growth of cultural interaction directly influences the number of elements in moral sensitivity that can be integrated in schools. Moral sensitivity is not just limited to moral education, but it also can be seen in various aspects of languages and religions.

Keywords: sensitivity moral, multicultural, values, interaction,

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengalaman sensitiviti moral pelajar sekolah menengah dalam interaksi pelbagai budaya. Kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan instrumen temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian dilaksanakan bagi mencapai objektif kajian. Seramai 15 pelajar tingkatan empat yang memenuhi kriteria kajian iaitu sekolah yang mempunyai kepelbagaian kaum di daerah Keningau dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Pengkaji mengadaptasi instrumen oleh Darcia Narvaez iaitu Ethical Sensitivity Scale Questionnaire (ESSQ) untuk membantu pengkaji mengenalpasti ciri-ciri sensitiviti moral dalam interaksi pelbagai budaya. Hasil dapatan adalah untuk mencapai tiga objektif kajian iaitu i) menganalisis ciri-ciri sensitiviti moral dalam kalangan pelajar pelbagai budaya di sekolah ii) mengetahui kewujudan sensitiviti moral dalam interaksi pelajar pelbagai budaya dan iii) mengenal pasti sensitiviti moral pelajar dalam membantu pelajar pelbagai budaya membuat keputusan moral. Analisis dapatan menunjukkan kepedulian, keprihatinan dan kepatuhan amalan nilai moral merupakan ciri sensitiviti moral yang ketara dalam interaksi pelbagai budaya pelajar sekolah menengah di Sabah. Kewujudan sensitiviti moral ini adalah melalui dua proses iaitu i) semangat berkerja berkumpulan demi mencapai sesuatu objektif bersama dan ii) asimilasi budaya, iaitu memahami budaya kaum lain sehingga berjaya menerima nilai dan norma yang boleh digunakan bersama. Analisis dapatan kajian juga menunjukkan sensitiviti moral dapat membantu pelajar dalam membuat keputusan bermoral yang rasional/betul melalui perasaan ambil peduli tanpa mengira kaum, meletakkan nilai moral sebagai panduan dan mengurangkan sikap berat sebelah/ perasaan bias mahupun prejudis dalam membuat keputusan. Implikasi kajian ini menunjukkan sensitiviti moral amat penting dalam interaksi pelbagai budaya dan semakin luas interaksi pelbagai budaya semakin kerap elemen sensitiviti moral boleh diterapkan. Sensitiviti moral bukan sahaja berfokus kepada bidang moral malah boleh dilihat secara keseluruhan dari aspek bahasa dan agama.

Kata kunci: sensitiviti moral, kepelbagaian budaya, interaksi, nilai

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 13th January 2021, revised 30th January 2021, accepted 10th February 2021

Pengenalan

Amalan bertingkah laku moral merupakan asas kepada pembentukan peribadi sesebuah masyarakat demi mencapai kesejahteraan bersama. Dalam konteks untuk memahami tingkah laku bermoral, pelbagai aspek perlu dititikberatkan. Maizura (2015)¹ mengupas amalan bertingkah laku

moral individu dilihat melalui tiga aspek utama iaitu pengalaman, pegangan agama dan pendidikan. Sehubungan dengan itu, perbezaan latar sosial budaya masyarakat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum menuntut setiap ahli masyarakatnya mengaplikasikan amalan nilai moral dalam kehidupan seharian demi mencapai kesepaduan dan kesepakatan bersama.

Umumnya, amalan berperilaku moral dikaitkan dengan konsep moraliti. Terdapat empat komponen dalam konsep moraliti, iaitu sensitiviti moral, pertimbangan moral, motivasi moral dan karakter moral (Robert & Toman, 2013)². Pengkaji memilih untuk mengetengahkan sensitiviti moral dalam kajian ini berikutan konsep sensitiviti moral itu tidak diletakkan sebagai penentu kepada betul atau salah sesuatu tindakan yang diambil, tetapi sebagai usaha untuk mendapatkan penjelasan kepada sebab dan alasan seseorang berpegang kepada sebab suatu prinsip dan keputusan untuk melakukan tindakan. (Benjamin & Alexander, 2010)³.

Jordan (2007)⁴ menghuraikan amalan moral sebagai kaedah norma dan peraturan yang mengatur individu dalam bertingkah laku untuk diterima dalam sesebuah kelompok masyarakat. Rest, Narvaez, Bebeau & Thoma (1999)⁵ mendefinisikan sensitiviti moral sebagai strategi dalam mengenali isu-isu moral dan cara seseorang bertindak balas terhadap sesuatu isu. Ini kerana, dalam menghadapi situasi moral seseorang individu seharusnya berkeupayaan untuk melihat dan mentafsir peristiwa yang berlaku dengan cara memilih dan melaksanakan tindakan yang lebih beretika (Tirri, 1999)⁶. Tambahan juga, sensitiviti moral merupakan komponen yang penting dalam tindakan moral kerana setiap individu menghadapi kesukaran dalam membuat keputusan moral. Oleh itu, ahli sarjana seperti Robert & Toman (2013)² bersependapat dalam membuat sesuatu tindakan berdasarkan situasi moral, lima kriteria ini diklasifikasikan sebagai kriteria sensitiviti moral bagi menilai individu dalam membuat keputusan bermoral. Lima kriteria tersebut adalah :

- (i) Berkeupayaan untuk mentafsir perasaan dan tindak balas orang lain.
- (ii) Meletakkan perasaan empati dan ambil peranan (*role taking*).
- (iii) Memahami bagaimana sesuatu tindakan dapat mempengaruhi kebajikan diri dan orang lain.
- (iv) Membuat kesimpulan berdasarkan perlakuan orang lain.
- (v) Serta memberikan maklum balas yang bersesuaian dengan tindakan yang telah dilakukan.

Latar masyarakat pelbagai budaya yang terdiri daripada pelbagai amalan budaya dan suku etnik telah membuka peluang akan kewujudan pelbagai tanggapan dalam sensitiviti moral. Akibat daripada perbezaan budaya dan etnik tersebut telah mewujudkan pelbagai tanggapan yang pelbagai dari setiap individu yang berbeza. Walhal, kepelbagaian ini sebenarnya merupakan ruang dan peluang untuk setiap individu dalam negara ini untuk berinteraksi dalam menghadapi isu moral mahupun sensitiviti moral dengan syarat salah satu keistimewaan yang perlu dibanggakan dan dihargai selagi mana rakyatnya mengekalkan satu prinsip perpaduan yang sama. Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, proses menyatupadukan rakyat adalah bukan bermaksud untuk memelayukan keseluruhan rakyat, atau menghilangkan identiti kaum dan budaya lain, namun ruang ini diambil untuk membina kesefahaman serta dapat menyelami perbezaan budaya antara satu sama lain (Wan Hashim Wan The (2011)⁷.

Sorotan Kajian

Pengkaji telah mengkaji sensitiviti moral melalui pelbagai aspek, antaranya sensitiviti moral dalam kalangan fisioterapi (Kati, Riita & Helena, 2013)⁸, perbezaan sensitiviti moral berdasarkan jantina (Di You et al., 2011)⁹, sumbangan sensitiviti moral dalam isu sosio-saintifik (Sadler, 2014), sensitiviti moral dalam kalangan jururawat (Buppa et al., 2014)¹⁰, juga kepentingan sensitiviti moral dalam penaakulan moral (Suzanne, 2001)¹¹. Namun, kajian berkaitan sensitiviti moral dalam kehidupan pelbagai budaya masih belum diberi perhatian oleh pengkaji yang lain. Sehubungan dengan itu, berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati kajian berdasarkan sensitiviti moral melalui pengalaman pelbagai budaya boleh diteliti untuk melihat bagaimana kesedaran sensitiviti moral dalam kalangan pelajar terhadap hubungan bersama kepelbagaian budaya dalam konteks masyarakat Malaysia. Pengkaji meneruskan kajian sensitiviti moral kepada pelajar pelbagai budaya adalah untuk meneroka ciri-ciri sensitiviti moral dan cara sensitiviti moral mempengaruhi tingkah laku individu dalam membuat keputusan moral dalam situasi isu moral.

Suzanne (2001)¹¹ menegaskan bahawa sensitiviti moral tidak semata-mata meletakkan diri sendiri di tempat orang lain, tetapi memerlukan sikap keterbukaan dalam menerima sebarang keberangkalian dengan hubungan dua pihak. Komunikasi serta bahasa tubuh perlu diberi penekanan kerana sensitiviti masyarakat tidak dijangka walaupun hanya melalui percakapan (Fazleen Mohamad & Siti Noor Ismail, 2018)¹². Berdasarkan kajian daripada (Sadler, 2004)¹³, dapatan temu bual menunjukkan sensitiviti moral responden berbeza berdasarkan pegangan agama dan asas etika yang diamalkan dalam kehidupan mereka apabila mereka diajukan berkaitan isu moral pengklonan. Hal ini kerana, pegangan agama memberikan faktor dominan dalam pembentukan akhlak individu kerana agama mempunyai panduan yang dapat dijadikan rujukan dalam kehidupan seharian (Norzihani Saharuddin, 2014)¹⁴. Ini turut disokong berdasarkan dapatan kajian daripada (Tirri, 1996)⁶ yang menerangkan bahawa pelajar yang mempunyai agama mempunyai sensitiviti moral berbanding pelajar yang tidak mempunyai agama.

Keperluan masyarakat Malaysia dalam menyedari kepelbagaian ini adalah bagi memupuk kebersamaan agar konsep perpaduan yang menjadi matlamat masyarakat majmuk dapat direalisasikan. Maka, konsep kefahaman kesedaran kepelbagaian adalah pengetahuan tentang perbezaan mengenai sesebuah komuniti atau kumpulan (Khairul Azhar Meerangani, 2016)¹⁵. Oleh hal yang demikian, pengkaji mendapati asas utama dalam pembentukan perpaduan dan kesefahaman antara budaya adalah konsep kefahaman kepelbagaian budaya. Masyarakat Malaysia hari ini bukan sahaja mengamalkan cara hidup budaya yang berbeza, malah penggunaan bahasa yang berbeza serta menganuti agama yang berbeza yang mana membuka ruang untuk membuat pelbagai tanggapan sekiranya tiada kesefahaman.

Sebuah kajian berkenaan etnisiti dan interaksi pelajar di dalam kelas yang ditulis oleh Suresh Kumar (2014)¹⁶ menjelaskan bahawa pelajar yang mempunyai interaksi dengan pelajar bersama rakan berlainan kaum yang baik adalah pelajar yang mempunyai persamaan dari aspek penggunaan bahasa dan budaya. Persamaan dari dua aspek ini lebih mengukuhkan kerapatan hubungan interaksi mereka di dalam kelas. Hasil kajian menunjukkan, komunikasi yang baik dengan rakan pelbagai budaya telah memberi kesan positif kepada hubungan interaksi dan kerapatan persahabatan. Rentetan daripada hasil kajian ini, kajian ini merumuskan bahawa interaksi pelajar adalah faktor pemangkin kepada kefahaman berkaitan budaya lain. Para pelajar dapat berinteraksi, berkongsi pengalaman, dan belajar dengan baik apabila komunikasi berlaku

dengan berkesan. Oleh kerana itu, di sini pentingnya komunikasi kerana interaksi kaum dapat terjalin dengan lebih berkesan (Suresh Kumar, 2014)¹⁶.

Menurut Rattansi (2015)¹⁷, faham multibudaya atau kepelbagaian budaya ditakrifkan sebagai meraikan kepelbagaian budaya seperti memahami kumpulan minoriti. Ini menunjukkan bahawa kefahaman budaya ini memerlukan pemahaman antara dua pihak yang saling memerlukan antara satu sama lain. Ini dijelaskan dalam kajian yang dijalankan oleh Noraini Omar, Aderi Che Noh dan Mohd Isa Hamzah (2014)¹⁸ menekankan konsep kefahaman adalah apabila masyarakat bersedia meraikan kepelbagaian, asalkan budaya tersebut tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Dapatan kajian menunjukkan responden menghargai konsep kepelbagaian apabila wujudnya kaum dan etnik yang berbeza dalam sesebuah komuniti, serta individu mempunyai pengetahuan asas berkenaan latar belakang tentang masyarakat lain. Hal ini demikian kerana, hasil kajian menunjukkan konsep memahami kepelbagaian budaya itu apabila responden mempunyai pengetahuan awal terhadap budaya tersebut (Noraini Omar, Aderi Che Noh & Mohd Isa Hamzah Isa, 2014)¹⁸.

Pendidikan di sekolah merupakan elemen penting dalam usaha dalam mendidik dan mencorakkan masyarakat berbilang kaum untuk ke arah kesejahteraan bersama. Sekolah yang bertindak sebagai agen perpaduan dilihat berkemampuan untuk membina hubungan interaksi pelajar yang terdiri daripada latar belakang etnik, sosial, agama, ekonomi yang berbeza. Sebuah kajian kuantitatif yang dijalankan oleh Suresh Kumar (2014)¹⁶ terhadap 1000 orang pelajar sekolah menengah menunjukkan pola interaksi tertinggi pelajar lebih selesa untuk bergaul dengan rakan seetnik berbanding rakan berlainan etnik. Pola interaksi menunjukkan pelajar pelbagai etnik lebih menunjukkan keselesaan bersama dengan rakan seetnik berbanding rakan dari etnik lain.

Objektif Kajian

Pengkaji menyedari bahawa kepelbagaian budaya menuntut setiap masyarakatnya saling mengamalkan nilai-nilai moral dalam mengekalkan keharmonian sesebuah negara demi menghormati sensitiviti antara kaum. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk:

- 1) Mengetahui ciri-ciri sensitiviti moral dalam kalangan pelajar pelbagai budaya di sekolah.
- 2) Mengenal pasti kewujudan sensitiviti moral dalam interaksi pelajar pelbagai budaya di sekolah.
- 3) Mengenalpasti sensitiviti moral pelajar dalam membantu pelajar pelbagai budaya membuat keputusan moral.

Persoalan

Selaras dengan tujuan kajian ini untuk mengkaji sensitiviti moral melalui interaksi pelajar pelbagai budaya dalam kalangan pelajar sekolah. Untuk itu, kajian ini akan menjawab tiga persoalan utama seperti berikut:

- 1) Apakah ciri-ciri sensitiviti moral pelajar pelbagai budaya?
- 2) Bagaimanakah kewujudan sensitiviti moral dalam interaksi pelajar pelbagai budaya?

- 3) Bagaimanakah sensitiviti moral membantu pelajar pelbagai budaya dalam membuat keputusan moral?

Metodologi Kajian

Konsep kualitatif adalah suatu reka bentuk kajian yang tidak menetapkan secara khusus apa dan bagaimana suatu kajian itu dilaksanakan (Trochim, 2006)¹⁹, berfokus kepada penulisan berbanding pengiraan (Bryman, 2001)²⁰, serta mempunyai matlamat untuk memahami realiti sosial individu, kelompok dan budaya (Othman Lebar, 2014)²¹. Dalam konteks kajian ini, perkara yang terkandung dalam kajian kes adalah untuk mencapai objektif iaitu untuk mengetahui ciri-ciri sensitiviti moral pelajar pelbagai budaya, mengenal pasti kewujudan sensitiviti moral dalam interaksi pelajar pelbagai budaya dan mengenalpasti sensitiviti moral dalam membantu pelajar membuat keputusan moral. Sehubungan dengan itu, perkara ini dapat diselesaikan menerusi persoalan apakah, bagaimanakah, dan mengapa (Maizura, 2015)¹.

Penerokaan berkenaan sensitiviti moral membolehkan pengkaji menggunakan dua teknik pengumpulan data iaitu kaedah temu bual serta pemerhatian untuk membantu pengkaji menjelaskan secara lebih terperinci berkaitan objektif serta persoalan kajian. Dalam konteks kajian ini, secara langsung pengkaji berpeluang untuk mendekati, memerhati, serta berinteraksi bersama peserta kajian seterusnya memperoleh data yang diperlukan untuk memenuhi keperluan kajian (Maizurah, 2015)¹. Dengan cara ini, sensitiviti moral ini boleh dilihat dan dikaji dalam keadaan suasana yang sebenar.

Peserta Kajian

Umumnya, peserta kajian dalam kajian kualitatif melibatkan jumlah kecil yang dikaji secara mendalam. Seramai 15 orang peserta kajian yang dipilih iaitu yang terdiri daripada pelbagai kaum di daerah Keningau, Sabah yang telah memenuhi kriteria pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Peserta kajian ini merangkumi aspek kaum, latar belakang sosioekonomi yang berbeza, bahasa, budaya, dan agama. Peserta kajian ini dipilih berdasarkan kriteria yang dikemukakan oleh Bank (1996)²² dalam elemen pelbagai budaya iaitu jantina, bahasa, budaya, sosioekonomi, keupayaan mental dan fizikal, dan agama. Namun, pengkaji tidak melibatkan keupayaan fizikal dan mental kerana pengkaji menggunakan peserta kajian yang terdiri daripada pelajar sekolah yang setara.

Kriteria Peserta Kajian

Pemilihan peserta kajian yang tepat dan bersesuaian dengan objektif kajian adalah sangat penting untuk memperoleh dan memperbanyak maklumat (Cresswell, 2013)²³. Kriteria ini adalah untuk memastikan pengkaji mendapat data yang mencukupi dan mengikut kehendak pengkaji dalam kajian ini. Terdapat empat kriteria yang dibangunkan oleh pengkaji untuk menentukan pemilihan peserta kajian adalah tepat iaitu:

1. Pelajar Tingkatan Empat berusia 16 tahun.
2. Pelajar yang mempunyai keupayaan untuk berkongsi maklumat, pengalaman, yang dilalui dalam kehidupan seharian melalui interaksi pelbagai budaya.

3. Pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.
4. Pelajar yang berasal dari negeri Sabah.

Kaedah Pengumpulan Data

Pengkaji kajian kualitatif mempunyai cara kutipan data dengan cara tersendiri berbanding dengan kajian kuantitatif. Antara pendekatan yang digunakan oleh pengkaji kualitatif ialah temu bual dan pemerhatian. Secara keseluruhannya dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian untuk mengumpul data. Menurut Maizurah (2015)¹, teknik ini mampu memberikan gambaran secara holistik kepada fonemona yang dikaji oleh pengkaji.

Analisis Data

Dapatan Persoalan Pertama: Apakah ciri-ciri sensitiviti pelajar pelbagai budaya?

Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa peserta kajian berupaya untuk memahami implikasi yang diperoleh setelah membuat sesuatu keputusan moral terhadap orang lain. Hal ini kerana, setiap keputusan moral yang dibuat mempunyai kesan tersendiri kepada orang yang membuat keputusan dan orang yang menerima kesan tersebut. Menurut Veronica Kumurur (2008)²⁴, kepedulian dianggap sebagai satu proses komitmen dan emosional terhadap sesuatu isu yang dihadapi. Manakala Julina (2013)²⁵ menganggap bahawa kepedulian seseorang dalam sesuatu isu adalah dipengaruhi oleh sikap individu itu sendiri. Berdasarkan maklumat dapatan yang diperoleh, peserta kajian menunjukkan sikap yang sebenar dalam memberikan maklumat terhadap situasi isu moral yang diberikan.

Sikap kepedulian peserta kajian CSM 1 ditunjukkan dalam pernyataan bahawa dia akan mendiadakan diri sekiranya tindakan melaporkan kepada guru akan mengakibatkan pergaduhan bersama rakannya. CSM 1 memilih untuk berdiam kerana sikap peduli merupakan refleksi melalui sesuatu yang menjadi fokus kesukaan seseorang individu terhadap isu yang dihadapi (Ayu Stia Rini et al., 2017)²⁶. Maka dalam situasi ini, fokus kepedulian peserta kajian adalah untuk mengekalkan hubungan bersama dengan rakannya dengan tidak melaporkan kepada guru. Soalan yang sama turut diajukan kepada peserta kajian lain. Berikut merupakan jawapan daripada CSM4.

Peserta : Ya fikir, kalau boleh emm saya tidak mau bergaduh sama kawan saya tu.
Saya diam jak...Saya cuma harap dia berubah, saya nasihat jak tu...

(Temu bual \\ CSM 4)

Keprihatinan dan main peranan merupakan skop paling penting dalam sebuah hubungan. Perasaan prihatin secara langsung membina perasaan empati dan simpati terhadap situasi yang dialami oleh rakan. Hall dan Hord (2011)²⁷ mentakrifkan keprihatinan adalah sebagai perasaan, fikiran, serta reaksi individu terhadap sesuatu perubahan yang berlaku di sekelilingnya. Dalam kajian ini, keprihatinan merujuk kepada perubahan tingkah laku dan perasaan individu terhadap tingkah laku moral rakannya. Perasaan itu dipengaruhi dengan perasaan simpati dan empati yang memberi impak kepada sesuatu tindakan yang dipilih. Jawapan daripada CSM 6 menunjukkan sikap prihatin yang berlaku pada isu moral yang diberikan dan mereka berupaya meletakkan

perasaan empati dalam situasi tersebut. Pangaribuan (1993)²⁸ mendefinisikan empati sebagai masuk ke dalam diri seseorang dan melihat keadaan itu dari sisi orang tersebut.

Pengkaji : Apabila berhadapan dengan isu etika seperti masalah pembuangan bayi, adakah saudara dapat mengenalpasti sikap atau perasaan saudara?

Peserta : Saya rasa, saya terfikir sama diri saya. Bagaimana kalau saya yang ada di tempat orang yang buat itu. Emmm, saya bayangkan kalau saya *couple*, terus tinggal hubungan begitu, saya kasi malu ibu bapa saya, saudara-saudara saya tahu semua, jadi saya berusaha untuk kasi jauh itu benda dari saya. Saya kesian sama orang itu, jadi saya fikir, kalau itu saya... *ish* tidak maulah kasi malu *family*.

[Temu bual \\ CSM 6]

Benjamin Lovett & Alexander Jordon, (2012)³ menjelaskan bahawa patuh pada prinsip dan garis panduan mempengaruhi sensitiviti moral seseorang individu iaitu semakin tinggi pegangan agamanya semakin tinggi sensitiviti moralnya. Ada sesetengah individu kekal dengan prinsipnya dan patuh pada garis panduan biarpun hubungan sesama manusia mungkin boleh terjejas. Ini dapat dilihat dalam penyataan CSM 3 berdasarkan soalan berikut:

Pengkaji : Dalam situasi berkonflik, contohnya saya melihat rakan saya membohongi guru, apakah tindakan saudara? Adakah saudara akan sedaya upaya akan mengambil tindakan untuk mengekalkan hubungan baik? Mengapa?

Peserta : Kalau dia menipu cikgu, saya akan bagi tahu perkara sebenar... sebab saya tidak suka orang yang menipu (senyum). Saya tetap akan kasi tau walaupun saya tau saya boleh bergaduh sama dia. Sebab saya ndak mau dia terbiasa menipu sama cikgu lagi.

[Temu bual \\ CSM 3]

Setiap peserta kajian memberikan maklum balas dan pendapat melalui pengalaman dan pengetahuan sedia ada yang mereka ada. Justeru, berdasarkan isu-isu moral yang digambarkan kepada peserta kajian, hasil dapatan menunjukkan peserta kajian mempunyai ciri-ciri sensitiviti moral yang terdiri daripada tiga tema iaitu kepedulian, keprihatinan, dan kepatuhan amalan nilai moral seperti yang dicatatkan dalam jadual di bawah.

Jadual 1

Ciri-ciri sensitiviti moral melalui interaksi pelajar pelbagai budaya.

Ciri-ciri sensitiviti moral	Penerangan
Kepedulian	<ul style="list-style-type: none"> Berusaha mengekalkan hubungan dengan rakan kerana rasa peduli terhadap hubungan yang telah lama terbina. Menggunakan pendekatan memberikan nasihat kepada rakan sebelum membuat tindakan yang boleh merosakkan hubungan persahabatan.
Keprihatinan	<ul style="list-style-type: none"> Menunjukkan emosi dan meluahkan perasaan terhadap isu yang digambarkan.

	<ul style="list-style-type: none"> • Bertindak mengambil tahu dan main peranan terhadap rakan yang mempunyai masalah atau berhadapan dengan isu moral.
Kepatuhan amalan nilai moral	<ul style="list-style-type: none"> • Meletakkan nilai moral sebagai panduan dalam bertingkah laku baik. • Mematuhi nilai moral untuk menjadi individu yang bertanggungjawab dan berdisiplin.

Dapatan Persoalan Kedua: Bagaimanakah kewujudan sensitiviti moral dalam interaksi pelajar pelbagai budaya?

Najeemah Mohd Yusof (2011)²⁹ menjelaskan lebih erat interaksi sosial yang dibentuk antara entik, maka semakin kukuh perpaduan dan persefahaman di negara kita. Hubungan interaksi membantu sekelompok kaum mengenali sekelompok kaum yang lain lantas menunjukkan sikap rakyat Malaysia yang saling bertoleransi antara satu sama lain. Justeru, melalui dapatan temu bual dan hasil pemerhatian yang dilaksanakan pengkaji dapat merumuskan kewujudan sensitiviti moral dalam interaksi yang berlaku dalam kalangan pelajar pelbagai budaya adalah melalui dua proses iaitu:

- 1) Kerjasama
- 2) Asimilasi

Menerusi hasil temu bual, terdapat peserta kajian menyatakan kesediaan mereka untuk bekerjasama dengan rakan-rakan biarpun daripada rakan yang berlainan kaum. Kerjasama ini bukan sahaja melibatkan aktiviti PdPc di sekolah, malah aktiviti kokurikulum di sekolah. Dapatan menunjukkan pelbagai reaksi daripada peserta kajian berkenaan isu kerjasama antara pelbagai budaya. Berdasarkan pemerhatian pengkaji ketika pelajar membentuk kumpulan sesi PdPc, pengkaji mendapati pemilihan rakan berkumpul adalah berdasarkan rakan yang baik dengan mereka tanpa mengira latar belakang. Oleh itu, merujuk kepada catatan pengkaji dalam nota reflektif, pengkaji mengajukan soalan kepada peserta kajian untuk mendapatkan kesahan tindakan yang dilakukan oleh peserta kajian. Berikut merupakan soalan yang diajukan. Berikut merupakan nota reflektif yang ditulis oleh pengkaji ketika pemerhatian dijalankan.

Saya memerhati peserta kajian semasa mereka memilih ahli kumpulan. Apa yang saya dapati, mereka memilih ahli kumpulan berdasarkan rakan yang mereka rapat. Saya dapati juga, ada kumpulan yang tidak mahu pelajar lelaki dan mereka cuba mengelak untuk bekerjasama dalam satu kumpulan dengan pelajar lelaki

[Pemerhatian \ K1 \ 10 April 2017, Isnin]

Berdasarkan pemerhatian tersebut, pengkaji mengajukan soalan untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pembentukan kumpulan yang dibuat.

Pengkaji : Ketika membuat pembentukan kumpulan, adakah kamu peduli sekiranya ahli di dalam kumpulan terdiri daripada kaum lain? Dan saya lihat, kamu tidak memilih untuk satu kumpulan dengan pelajar lelaki?

Peserta : Tak kisah, asal dia dapat bagi kerjasama dalam satu kumpulan. Dan dia tidak mengganggu kerja orang lain dan dia pun sanggup beri kerjasama. Sebab kalau sesama perempuan senang, lagipun kami cukup sudah ahli. Tidak perlulah ambil pelajar lelaki (ketawa).

[Temu bual \\ Kesahan ahli CSM 1]

Ade Rizkia Rahayu (2016)³⁰ dalam kajiannya menjelaskan, proses asimilasi berlaku disebabkan dua faktor iaitu pertama kerana terdapat perbezaan kebudayaan dalam satu kelompok. Perbezaan kebudayaan ini meliputi aspek bahasa, agama dan adat yang mana setiap satu kelompok mengamalkan satu budaya yang berbeza dari kelompok yang lain. Faktor kedua adalah individu dalam satu kelompok saling bergaul dengan kelompok yang lain secara langsung dalam tempoh yang lama. Mengikut pemerhatian dan dapatan temu bual pengkaji, peserta kajian banyak dipengaruhi oleh asimilasi budaya, agama dan bahasa.

Meskipun setiap kaum mempunyai pegangan dan prinsip yang melambangkan identiti masing-masing, kefahaman pelbagai budaya dan agama telah membantu komuniti ini untuk saling menghormati dan saling bertolak ansur dalam menerima kepelbagaian antara kaum. Faktor asimilasi yang terakhir adalah kebudayaan dari kelompok-kelompok manusia tersebut masing-masing berubah dan saling menyesuaikan diri dengan kelompok yang baru. Contohnya, situasi asimilasi budaya yang dapat dilihat apabila peserta berkongsi cerita apabila pengkaji mengajukan soalan berikut:

Pengkaji : Bolehkah saudara ceritakan, apakah situasi yang membuatkan saudara dapat menerima kepelbagaian kaum atau agama lain?

Peserta : Saya pernah jugak tengok kawan-kawan saya mabuk bila minum air tuak banyak-banyak (ketawa). Saya tak minumlah... tengok jak. Lagipun air tu biasa jak orang minum-minum kalau ada pesta. Memang kalau di sini, air tuak tu biasa.

[Temu bual \\ CSM7]

Situasi di atas menunjukkan peserta kajian mengetahui budaya minum tuak yang dilakukan oleh orang lain. Pengetahuan dan pengalaman dalam kehidupan masyarakat sekeliling menjadikan peserta kajian dapat menerima adat kaum lain. Begitu juga dari aspek pemakaian. Sepanjang pemerhatian aktiviti di dalam kelas, peserta kajian sepertinya mengetahui perihal baju kaum yang dilukisnya. Ini dapat dilihat berdasarkan soalan rawak yang diajukan kepada peserta kajian ketika tempoh pemerhatian dilaksanakan.

Berdasarkan dapatan kajian, hubungan interaksi pelajar bersama dengan rakan pelbagai budaya adalah tidak terikat melalui satu cara. Hubungan interaksi yang terjalin merupakan proses tindak balas dengan persekitaran yang mana akan membentuk pengalaman baru kepada pelajar. Pengkaji mendapati, peserta kajian bersifat terbuka dan positif dalam memberikan tindak balas terhadap aktiviti yang dijalankan. Ini jelas menunjukkan perbezaan budaya tidak menjadi penghalang dan bukan alasan untuk tidak bekerjasama dengan pelajar pelbagai budaya dalam sesuatu aktiviti. Peserta kajian bersedia bekerjasama dengan rakan sebaya yang berlainan etnik ketika sesi pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti sekolah. Sehubungan dengan itu, berdasarkan dapatan kajian, pengkaji merumuskan hubungan interaksi pelajar pelbagai budaya terdiri daripada dua cara iaitu kerjasama dan asimilasi seperti rajah di bawah.

Jadual 2

Bentuk Interaksi Pelajar Pelbagai Budaya

Jenis hubungan interaksi	Penerangan
Kerjasama	<ul style="list-style-type: none"> • Berusaha menunjukkan semangat kerja berkumpulan demi mencapai kemenangan. • Memberikan komitmen berkumpulan dan bersedia bekerjasama dengan rakan pelbagai kaum.
Asimilasi	<ul style="list-style-type: none"> • Asimilasi bahasa. Penyerapan penggunaan bahasa dari kaum lain. • Asimilasi budaya. Memahami budaya kaum lain sehingga berjaya menerima adat yang boleh digunakan bersama.

Dapatan Persoalan Ketiga: Bagaimanakah sensitiviti moral membantu pelajar pelbagai budaya dalam membuat keputusan moral?

Bagi menjawab persoalan ketiga, dua aspek diteliti oleh pengkaji untuk mengenalpasti kesedaran peserta kajian melalui kaedah pemerhatian yang dilakukan serta dapatan temu bual yang dilaksanakan sepanjang temu bual. Aspek tersebut adalah melalui tingkah laku dan perasaan. Melalui dua aspek ini, tiga tema telah dikenalpasti berdasarkan dapatan daripada peserta kajian. Tiga aspek tersebut adalah i) perasaan ambil peduli tanpa mengira kaum, ii) bertingkah laku moral dan iii) sikap individu.

Menurut Najeemah Mohd Yusoff (2012)²⁹, apabila pelajar berada dalam kalangan persekitaran yang multi-etnik dalam tempoh jangka masa yang lama, mereka berpeluang untuk berinteraksi dan saling mempunyai kefahaman tentang budaya masing-masing. Perasaan ambil peduli yang ditunjukkan oleh peserta kajian adalah untuk mengekalkan hubungan persahabatan adalah sifat semulajadi antara pelajar apabila mereka sudah mempunyai sifat kepunyaan dan telah mempunyai sifat saling kebergantungan antara satu sama lain. Oleh kerana itu pengkaji mendapati sikap ambil peduli ini bukan sahaja peduli kepada individu tetapi juga peduli terhadap amalan agama atau amalan kebudayaan penganut agama lain. Ini dapat ditonjolkan ketika pengkaji membuat pemerhatian ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Pengkaji melihat peserta kajian sebenarnya mempunyai sikap peduli tentang budaya rakan mereka. Tindakan pelajar bukan Muslim yang meminta rakan yang lain untuk diam ketika Azan berkemundang menunjukkan peserta kajian mengetahui tindakan yang sepatutnya dibuat dan dituntut dalam ajaran Islam. Hal ini demikian kerana, sebagai seorang muslim, menghormati azan adalah perkara yang dituntut dalam agama. Oleh kerana itu, pengkaji melihat tindakan pelajar bukan muslim yang juga menghormati azan satu tindakan yang menunjukkan mereka peka dengan keadaan sekeliling. Maka, pengkaji merumuskan berdasarkan pemerhatian ini bahawa peserta kajian dapat membuat keputusan moral melalui temu bual ini.

Pengkaji : Sebentar tadi, apabila azan solat berbunyi, bagaimana kamu boleh bertindak untuk meminta semua orang diam?

Peserta kajian : Ohh... bukan begitu kah cikgu? Sebab kawan muslim kami ajar begitu lah. Di asrama, kalau azan, mesti dia orang minta... diam diam...azan... begitu... (ketawa). Jadi, tadi tu, saya suruhlah diam. Sebab hormat azan. Macam kalau kami pun, kena hormat orang berdoa.

[Kesahan temubual \\ CSM 5]

Nilai moral merupakan asas pembentukan peribadi individu dalam membina tingkah laku bermoral. Amalan tingkah laku bermoral yang dihuraikan oleh Maizurah (2015)¹ menunjukkan sikap individu sendiri sebenarnya yang mempengaruhi akhlak dalam tingkah laku. Rentetan daripada itu, pengkaji mendapati kesedaran sensitiviti moral dalam kalangan peserta kajian dilihat melalui amalan nilai moral yang diamalkan oleh individu itu sendiri. Sikap positif dalam diri dalam menerima kepelbagaian telah melahirkan masyarakat yang berkeupayaan membuat keputusan moral. Jadual di bawah menunjukkan senarai amalan nilai sejagat yang diamalkan dalam kehidupan seharian mengikut dapatan peserta kajian.

Jadual 3

Amalan Nilai Moral

BIL	NILAI MORAL
1	Kerjasama
2	Adil
3	Setiakawan
4	Baik hati
5	Kejujuran
6	Kepatuhan
7	Tanggungjawab
9	Toleransi

Sumber. Diubah suai dari Narvaez (2001)³¹

Jadual nilai di atas adalah berdasarkan sikap peserta kajian yang mengamalkan nilai moral yang pelbagai seperti nilai keprihatinan, nilai tanggungjawab, nilai saling menghormati, nilai kerjasama dan nilai bertoleransi sepanjang memberikan pendapat dalam membuat sesuatu tindakan dan keputusan. Berikut merupakan dapatan data yang diberikan oleh peserta kajian dari sesi temu bual yang dijalankan.

Pengkaji : Bagaimanakah cara anda memilih orang untuk dijadikan rakan?

Peserta : Kalau saya nak pilih kawan, saya cuma tengok dari gaya orang itu menghormati orang, sopan santun. Agama atau bangsa, saya tidak kira cikgu kalau dia dari kaum mana pun. Lagipun kalau dia orang tak hormat orang lain, kasar, saya rasa itu bukan orang yang baik untuk dijadikan kawan.”

[Temu bual \\ CSM 4]

Peserta : Pertamanya, dia boleh ngam ka tidak sama saya, keduanya, dia mesti pendengar yang baik, kaum saya tidak tengok lah. Sebab saya Kristian, ada *family* jugak masuk Islam. Jadi saya tidak kisah pasal kaum dan agama kalau mau berkawan.

[Temu bual \\ CSM 3]

Peserta : Kawan tu sebagai pembimbing, saya cari kawan yang dapat membimbing la. Saya mesti mau cari kawan yang baik. Kalau dia beza agama ka, kaum ka... tidak pulak saya tengok. Yang penting peribadi orang tu.

[Temu bual \\ CSM 7]

Kajian oleh Mohd Aizat Abu Hassan, Mohd Faizal Rabani, Mohamad Ekhwan Mohamad Shukor, dan Mohd Mastifino Abdul Majid, (2018)³² menyatakan bahawa sikap yang positif dapat membentuk individu yang cemerlang dan mempunyai wawasan. Sikap memainkan peranan dalam pembentukan akhlak individu ke arah melahirkan insan yang bermoral. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pembentukan hubungan interaksi individu, antaranya adalah pengalaman lepas, hubungan dengan masyarakat sekeliling dan juga sikap individu (Murray & Murray, 2004)³². Sepanjang sesi temu bual dan pemerhatian dilaksanakan, pengkaji mendapati keputusan yang dibuat oleh peserta kajian dalam hubungan interaksi antara pelajar pelbagai budaya banyak dikaitkan dengan sikap individu.

Peserta kajian banyak menunjukkan maklum balas mereka terhadap isu moral yang diutarakan berdasarkan emosi dan tindakan sendiri. Tindakan ini menunjukkan bagaimana kesedaran sensitiviti moral dalam menangani isu moral yang melibatkan sikap individu. Pengkaji mendapati sikap dan maklum balas yang ditonjolkan oleh individu terhadap isu moral yang dihadapi merupakan satu bentuk perasaan yang diekspresikan melalui emosi dalam isu moral yang terlibat. Sehubungan dengan itu, pengkaji mendapati kesedaran sensitiviti moral terhadap pelbagai budaya dapat mempengaruhi individu dalam membuat keputusan. Perbezaan budaya, bahasa mahupun agama tidak menghalang mereka untuk berinteraksi sesama kaum, tetapi kerana sikap individu tertentu menyebabkan terdapat perasaan kurang disenangi dan sebagainya. Contohnya, CSM 1 mengatakan individu yang merendahkan sesuatu kaum adalah kerana sikap sendiri, bukan kerana masalah komunikasi atau interaksi.

Pengkaji : Adakah saudara sedar bahawa masalah etika sebenarnya melibatkan interaksi antara manusia?

Peserta : Tak, itu bukan masalah interaksi, itu masalah *attitude* orang tu sendiri... perangai dia... komunikasi bagi saya, ndak ada masalah langsung.

[Temu bual \\ CSM 1]

Kenyataan CSM 1 ini merujuk kepada sikap individu yang memperlekehkan kaum lain. Sikap memandang rendah pada kaum lain adalah kerana masalah individu yang tidak memahami budaya dan adat kaum lain. Contoh jawapan peserta lain adalah seperti berikut:

Peserta : Tak... tak... yang saya rasa... kerana sikap dia. Sikap dia yang cuba merendahkan... memang sikap dia... untuk mengubah *attitude*, memang sukar kalau dia tidak kasi faham pasal kaum lain.

[Temu bual \\ CSM 2]

Sehubungan dengan itu, pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa pelajar yang tidak memahami budaya kaum lain akan lebih cenderung untuk memandang rendah terhadap kaum lain dan secara langsung akan menjejaskan tindakan yang akan dibuatnya. Hal ini demikian kerana, pengkaji berpendapat bahawa sekiranya individu tidak mempunyai pengalaman dengan budaya lain, keberangskalian untuk mereka membuat andaian sendiri dan keputusan akan dipengaruhi oleh emosi. Sikap ini akan mengakibatkan pelajar mempunyai tanggapan negatif terhadap kaum lain. Jadual di bawah merupakan tiga aspek yang diterangkan secara ringkas berkaitan tiga aspek berkenaan.

Jadual 4

Aspek membantu pelajar membuat keputusan moral

Aspek yang membantu pelajar membuat keputusan moral	Penerangan
Perasaan ambil peduli tanpa mengira kaum	<ul style="list-style-type: none"> • Mementingkan hubungan persahabatan tanpa mengira kaum
Bertingkah laku moral	<ul style="list-style-type: none"> • Meletakkan nilai moral sebagai panduan dalam bertingkah laku moral.
Sikap individu	<ul style="list-style-type: none"> • Mengelakkan perasaan bias mahupun prejudis dalam membuat keputusan.

Kesimpulan

Kajian ini secara keseluruhannya telah menjawab kesedaran sensitiviti moral dalam interaksi pelajar pelbagai budaya di sekolah melalui kaedah temu bual dan pemerhatian. Ringkasan dapatan serta rumusan setiap persoalan kajian telah dikemukakan untuk menjelaskan persoalan utama kajian ini dilaksanakan. Kajian ini tidak bertujuan untuk menolak keprihatinan pelajar dalam memahami isu moral. Sebaliknya, adalah usaha untuk meningkatkan kesedaran sensitiviti moral dalam kalangan pelajar pelbagai budaya. Kepentingan bertolak ansur, saling menghormati dan bekerjasama sesama individu adalah asas dalam membina hubungan interaksi dalam persekitaran sekolah. Pelajar yang mempunyai pengalaman pelbagai budaya yang tinggi adalah pelajar yang mempunyai hubungan interaksi yang baik sesama rakan pelbagai budaya.

Cadangan diberikan agar kajian ini lebih mendapat perhatian para pengkaji akan datang dalam meneliti tahap sensitiviti moral secara lebih teliti. Fokus peserta kajian bukan hanya lagi tertumpu dalam satu daerah malah lebih meluas untuk menilai sensitiviti moral pelajar Malaysia di sekolah. Begitu juga dengan fokus pelbagai jenis sekolah agar kebolehpercayaan dapatan lebih tinggi. Cadangan penambahkan reka bentuk kajian juga disarankan agar kajian akan datang dapat mengkaji bilangan peserta kajian yang lebih ramai. Tumpuan pelajar yang mewakili keseluruhan kaum di Malaysia dicadangkan supaya lebih relevan bagi kajian kepelbagaian budaya. Diharapkan, implikasi kajian ini dapat memberikan kesedaran kepada pengamal nilai moral dalam meningkatkan kesedaran sensitiviti moral pelajar di sekolah.

Rujukan:

1. Maizura Yasin (2015). *Pemahaman amalan bertingkah laku moral dalam kalangan murid melayu tingkatan empat di putrajaya, malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Yang Tidak Diterbitkan. Serdang. Universiti Putra Malaysia.
2. Robert, T., & Toman, J., (2013). Bystander behavior in bullying situations. Basic moral sensitivity, moral disengagement and defender self-efficacy. *Journal of Adolescenc*, (36), 475-483.
3. Benjamin, L.J., & Alexander, J.H., (2010). Levels of moralisation: A new conception of moral sensitivity. *Journal of Moral Education*, 39(2), 175-189.
4. Jordan, J. (2007). Taking the first step toward a moral action: A review of moral sensitivity measurement across domains. *The Journal; of Genetic Psychology*, 168 (3), 323-359.
5. Rest, J.R., Narvaez, D, Bebeau, M.J & Thoma S.J. (1999). A neo-kohlbergian approaches to marility research. *Journal of moral education*, 29 (4), 381-395.
6. Tirri, K. (1999). In search of moral sensitivity in teaching and learning. *EARLI Conference*. Sweeden: Gothenburg.
7. Wan Hashim Wan The. (2011). *Hubungan etnik di Malaysia*. Selangor: Heinemann Educational Books.
8. Kati Kulju, Riita Suhonen, & Helena Leino – Kilpi. (2013). Ethical problems and moral sensitivity in physiotherapy: A descriptive study. *Journal of Nursing Ethics*, 20 (5), 568-577.
9. Di You, Yukiko Maeda & Muriel J. Bebeau. (2011). Gender differences in moral sensitivity: A meta-analysis. *Journal ethics & behavior*, 21 (4), 263-282.
10. Buppa Boonyamanee, Wandee Suttharangsee, Aranya Chaowalit & Marilyn E. Parker. (2014). Exploring moral sensitivity among Thai psychiatric nurses. *Songklanagarind Journal of Nursing*. (34), 35-43.
11. Suzanne M. Jaeger. (2001). Teaching health care ethics: The importance of moral sensitivity for moral reasoning. *Journal of Nursing Philosophy*, 131-142
12. Fazleen Mohamad & Siti Noor Ismail. (2018). Kepimpinan strategik dan hubungannya dengan pengajaran guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5 (2), 14-25. Dimuat turun daripada [researchgate.net/publication/326399057](https://www.researchgate.net/publication/326399057).
13. Sadler, T.D. (2004, Februari). Moral and ethical dimensions of socioscientific decisions-making integral components of scientific literacy. *Kertas Kerja dibentangkan di Annual Meeting of The Hoosier Association of Science Teacher, Inc*, Indiana: Indianapolis.
14. Norzihani Saharuddin. (2014). *Elemen yang memudah cara pemikiran moral guru pelatih pendidikan moral*. Tesis Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
15. Khairul Azhar Meerangani. (2016). *Isu semasa terhadap hubungan sosial dengan non muslim di Malaysia daripada perspektif hukum islam*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
16. Suresh Kumar N Vellymalay. (2014). Etnisiti dan interaksi sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik di bilik darjah. *Journal of Human Capital Development*. 7 (2), 47-61.
17. Rattansi, A. (2015). Multiculturalism: A very short introduction. Dalam Hassan Ahmad (Ed.), *Faham multibudaya: Pengenalan ringkas*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

18. Noraini Omar, Mohd. Aderi Che Noh & Mohd. Isa Hamzah. (2014). Kepelbagaian elemen budaya dalam pengajaran pendidikan islam: isu dan kepentingan. *The Online Journal of Islamic Education*. Dimuat turun daripada <https://ojie.um.edu.my/article/download/5285/3079>
19. Trochim, W.M.K. (2006). *Qualitative measure*. Dimuat turun daripada <http://www.socialresearchmethods.net/kb/qual.php>.
20. Bryman, A (2001). *Social Research Methods Oxford*: Oxford University Press.
21. Othman Lebar (2014). *Penyelidikan Kualitatif. Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
22. Banks, J.A. (1993). Multicultural education: Development, dimensions, and challenges. *Journal of The Phi Delta Kappa International*, (75), 22-28.
23. Creswell, J.W (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design. Choosing among Five Approaches. Third Edition*. Thousand Oaks, California: Sage Publications.
24. Veronica A. Kumurur. (2008). Pengetahuan, sikap dan kepedulian mahasiswa pascasarjana ilmu lingkungan terhadap lingkungan hidup kota Jakarta. *Ekoton*, 8, 1-24. Dimuat turun daripada <https://www.researchgate.net>
25. Julina. (2013). Determinan perilaku pembelian ekologis dan konsekuensinya terhadap lingkungan: perspektif konsumen di kota pecan baru berdasarkan kolektivisme, perhatian terhadap lingkungan, efektivitas konsumen, dan kesediaan membayar. *Kutubkhanah Jurnal Penelitian Sosial Kegamaan*, 16 (2), 115-126.
26. Ayu Stia Rini, Putu Gde Sukaatmadja, & Ayu Kt. Giantri. (2017). Pengaruh pengetahuan lingkungan dan kepedulian lingkungan terhadap sikap dan niat beli produk hijau “the body shop” di kota denpasar. *E-Jurnal Ekonomi dan Bisnis Universitas Udayana*, 6 (1),137-166. Dimuat turun daripada <https://ojs.unud.ac.id/index.php/EEB/article/view/23972>
27. Hall, Gene E., & Hord, Shirley M., (2011). *Implementing change: patterns, principles, and potholes*. Boston: Pearson.
28. Pangaribuan. (1993). *Mengembangkan empati anak*. Jakarta: Bumi Aksara.
29. Najeemah Mohd. Yusof. (2011). Persekitaran sekolah dan guru dalam meningkatkan interaksi sosial dalam kalangan murid di sekolah menengah kebangsaan. *Pendidikan Sesi DP*, 11 (2), 67-76.
30. Ade Rizkia Rahayu. (2016). *Pola interaksi sosial anak asuh dalam konteks kesehatan sosial*. Tesis Ijazah Sarjana yang Tidak Diterbitkan. Surabaya: Universiti Airlangga.
31. Narvaez, D. (2001). *Ethical sensitivity: Activity booklet 1: Nurturing character in the middle school classroom*. Notre Dome: University of Notre Dome
32. Mohd Aizat Abu Hassan, Mohf Faizal Rabani, Mohamad Ekhwan Mohamad Shukor dan Mphd Mastifino Abdul Majid. (2018). Sikap guru terhadap perubahan dalam sekolah di Malaysia. *Kertas konsep*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. <http://doi:10.13140/RG.2.2.30663.34722>.
33. Murray, C., & Murray, K.M. (2004). Child level correlates of teacher-student relationship. An examination of demographic characteristics, academic orientations, and behavioral orientations. *Psychology In The School*, 41 (7), 751-762.